

01/08/2001

Latihan ketenteraan dengan AS tidak ubah dasar negara

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Latihan pertahanan bersama dengan Amerika Syarikat tidak bermakna Malaysia menukar dasar luarnya atau menggadaikan maruah negara, sebaliknya ia adalah latihan rutin yang dibuat dengan negara lain.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata latihan itu bertujuan mewujudkan persefahaman dua hala sambil menggarap pengalaman baru dari pakar pertahanan luar negara.

"Kita sering mengadakan latihan bersama dengan negara luar termasuk anggota Asean. Ini tidak bermakna kita akan menggadaikan maruah negara hanya semata-mata kita mengadakan satu latihan rutin," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat dari Menteri Luar Republik Yemen, Dr Abubakr Al-Kirbi di Wisma Putra hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan muka depan akhbar rasmi Pas, Harakah, yang mengkritik tindakan kerajaan mengadakan latihan bersama dengan Amerika.

Syed Hamid berkata, Malaysia juga tidak akan hilang identiti sebagai sebuah negara Islam hanya kerana negara mengadakan latihan bersama dengan Amerika.

"Mereka yang mengkritik latihan itu sememangnya mempunyai pemikiran yang cetek dan tidak memahami isu antarabangsa," katanya.

Mengenai dakwaan laman web asing yang mengatakan kerajaan George Bush menetapkan tiga syarat untuk meningkatkan hubungannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Syed Hamid berkata:

"Malaysia menjalankan dasar luarnya yang tersendiri, dan tidak ada sesiapa yang boleh mengarahkan apa-apa. Setiap negara perlu menghormati polisi kita."

Laman web itu mendakwa Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell, menetapkan tiga syarat iaitu rawatan kerajaan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim; penahanan aktivis pembangkang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA); dan kelewatan pendedaran bagi penerbitan media asing di Malaysia.

Syarat itu dikatakan ditetapkan semasa Syed Hamid mengadakan pertemuan dengan Powell di Washington baru-baru ini.

Syed Hamid turut menegaskan bahawa pertemuannya dengan Powell berjalan dengan baik dan Amerika menunjukkan minat meningkatkan hubungan dua hala dengan negara ini, memandangkan kedua-dua negara mempunyai hubungan perdagangan yang baik.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, Yemen menyatakan hasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Bersama dengan Malaysia bagi meningkatkan hubungan dua halanya dengan negara ini.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga dijangka menandatangani dua perjanjian persefahaman dengan Yemen semasa lawatan rasminya pada 15 hingga 18 Ogos depan.

(END)